



GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN KONVENSYEN INOVASI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2018

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklum dan memberikan maklumat kepada bahagian / seksyen / unit dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mengenai pelaksanaan Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018.

2. PENDAHULUAN

- 2.1 Sejak tahun 1991, kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Panduan Mengenai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) bagi menggalakkan penjawat awam bekerja secara berpasukan bagi penyelesaian masalah di tempat kerja. Kerajaan kemudiannya telah memperkenalkan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif pada tahun 2009 sebagai satu langkah memantapkan penjawat awam untuk menyelesaikan masalah melalui penghasilan / penambahbaikan produk / perkhidmatan yang memberi manfaat kepada organisasi.
- 2.2 Pada tahun 2016, Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2016 (Panduan Pembudayaan dan Pemeraksanaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif) dikeluarkan menggantikan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi memantapkan pengurusan KIK dalam organisasi dan

memperkasakan budaya kerja secara inovatif dan kreatif di kalangan penjawat awam.

2.3 Selari dengan penekanan terhadap pembudayaan inovasi sektor awam, Bahagian Korporat selaku Penyelaras Inovasi jabatan bercadang untuk menganjurkan Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang diadakan secara tahunan sebagai salah satu langkah bagi mendorong warga kerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkenalkan cara kerja baru yang lebih cekap dan berkesan serta menghasilkan *output* dan *outcome* yang mempunyai impak tinggi. Konvensyen ini akan turut memberi ruang dan peluang kepada kumpulan-kumpulan inovasi daripada setiap bahagian / seksyen / unit untuk mempersembahkan hasil cetus idea kreatif dan inovatif masing-masing demi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam khususnya di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ke tahap yang membanggakan.

2.4 Pada tahun ini, konvensyen akan sekali lagi diadakan dengan mengambilkira pendekatan KIK Horizon Baharu selaras dengan penguatkuasaan PTPA Bilangan 1 Tahun 2016 yang memberi penekanan terhadap tiga fasa pelaksanaan inovasi iaitu:

- Fasa 1 : Penghasilan Projek
- Fasa 2 : Pengiktirafan
- Fasa 3 : Pengembangan Projek

2.5 Bahagian Korporat berperanan selaku Penyelaras Inovasi jabatan akan menganjurkan Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 yang dijangka pelaksanaannya pada 22 hingga 23 Oktober 2018 yang akan datang.

3. OBJEKTIF PEMBUDAYAAN INOVASI ORGANISASI

3.1 Objektif utama pembudayaan inovasi organisasi adalah untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti serta produktiviti kerja khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan melalui:

- a) Penciptaan cara bekerja yang baharu atau menghasilkan inovasi;
- b) Penyelesaian masalah atau membuat penambahbaikan kerja;
- c) Semangat bekerja secara berpasukan;
- d) Penyemaian dan penerapan nilai serta etika kerja positif;
- e) Penglibatan dan peningkatan komitmen terhadap kerja;
- f) Dorongan kerja yang tinggi;
- g) Kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap diri sendiri, kumpulan, organisasi dan negara;
- h) Penggalakan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif; dan
- i) Hubungan yang harmoni di antara pihak pengurusan dan pekerja.

4. PENYERTAAN

4.1 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 4.1.1 Penyertaan adalah dibuka kepada kumpulan-kumpulan inovasi dari semua bahagian / seksyen / unit dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atau gabungan daripada bahagian / seksyen / unit atau dengan badan – badan lain yang berkaitan dengan penghasilan projek inovasi.
- 4.1.2 Kumpulan yang mengambil bahagian adalah merupakan kumpulan yang telah mempersembahkan projek mereka kepada ketua bahagian / seksyen / unit dan perlu mendapat **pengesahan dan perakuan daripada Ketua bahagian / seksyen / unit masing-masing.**
- 4.1.3 Projek KIK hendaklah merupakan **karya asli** kumpulan dan **tidak diadaptasi** daripada mana – mana produk atau sistem sedia ada.
- 4.1.4 Bilangan minimum ahli bagi setiap Kumpulan KIK yang mengambil bahagian adalah seramai **2 orang** dan bilangan maksimum ialah seramai **10 orang** sahaja termasuk Ketua Kumpulan. Fasilitator tidak diambil kira sebagai ahli kumpulan.
- 4.1.5 Setiap bahagian / seksyen / unit adalah **diwajibkan** menghantar sekurang – kurangnya **satu penyertaan**. Bahagian / seksyen / unit dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu penyertaan dan tiada had maksima penyertaan ditetapkan.

4.1.6 Kumpulan inovasi yang **memenangi tempat pertama** atau **mendapat markah tertinggi** akan dipertimbangkan untuk mewakili Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ke Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor dan mana – mana pertandingan yang bersesuaian. Kumpulan – kumpulan inovasi lain juga akan dipertimbangkan untuk mewakili jabatan ke mana – mana pertandingan inovasi yang bersesuaian oleh penyelaras inovasi peringkat jabatan dengan persetujuan pengurusan tertinggi dan ahli Jawatankuasa Pemandu Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

4.1.7 Keputusan Panel Penilai bagi Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor terhadap projek kumpulan inovasi adalah **muktamad**. Sebarang bantahan dan semakan semula keputusan adalah tidak dibenarkan.

5. KONSEP DAN CIRI-CIRI PROJEK

5.1 Bidang Inovasi Sosial

Bidang Inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat. Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangunkan sesuatu inovasi.

5.2 Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan


Inovasi penyampaian prkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Inovasi penyampaian perkhidmatan bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.

5.3 Kategori Inovasi Penciptaan

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

5.4 Kategori Penambahbaikan

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.



6. PENILAIAN

6.1 Skema Pemarkahan

Skema Pemarkahan bagi pelaksanaan Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI PEMARKAHAN	% PEMARKAHAN
1	Penglibatan pihak pengurusan	4
2	Signifikasi projek dan pembuktian	10
3	Tindakan penyelesaian	23
4	Outcome projek dan pembuktian	35
5	Impak projek dan pembuktian	18
6	Potensi pengembangan inovasi	10
	Jumlah Keseluruhan	100

6.2 Mekanisme Penilaian

Penilaian ke atas projek inovasi adalah seperti berikut:

- (a) Penyertaan peringkat pertama akan ditapis oleh ketua bahagian / seksyen / unit masing-masing berdasarkan kepada cadangan projek kumpulan yang terbaik.
- (b) Penyertaan seterusnya akan diperhalusi dan ditapis di peringkat Urus Setia Konvensyen bagi memastikan Kumpulan KIK yang bertanding adalah layak dan memenuhi syarat-syarat seperti **para 4.1**.
- (c) Penilaian Projek akan dilaksanakan di Dewan Jubli Perak semasa pelaksanaan Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi persembahan kumpulan dan penilaian dokumentasi projek kumpulan.
- (d) Keputusan Panel Penilai akan dibawa dan diperakui oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebelum keputusan diumumkan.

7. GANJARAN DAN PENGIKTIRAFAN

7.1 Ganjaran dan pengiktirafan bagi pemenang pada konvensyen ini adalah seperti berikut:

KEDUDUKAN	GANJARAN DAN PENGIKTIRAFAN
Johan	<ul style="list-style-type: none">• RM5,000.00• Sijil Penghargaan
Naib Johan	<ul style="list-style-type: none">• RM3,000.00• Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	<ul style="list-style-type: none">• RM2,000.00• Sijil Penghargaan
Saguhati	<ul style="list-style-type: none">• RM500.00• Sijil Penghargaan

8. TATACARA PENYERTAAN

8.1 Bahagian / seksyen / unit perlu menyempurnakan perkara-perkara berikut:

- a. **Satu (1) salinan Borang Penyertaan / Pencalonan** Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018.
- b. **Empat (3) naskah Dokumen Laporan Projek (berwarna)** dengan menggunakan format **Microsoft Word** (*page size A4, font Arial, saiz 11, spacing 1.15*) dengan bilangan mukasurat adalah maksima 15 mukasurat bagi pelaporan dan 30 mukasurat bagi lampiran.
- c. Perkara-perkara di para 8.1(a) dan 8.1(b) perlu dikemukakan kepada Urus Setia Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor seperti di bawah **SEBELUM ATAU PADA 14 SEPTEMBER 2018.**

Urus Setia
Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Korporat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS
40503 SHAH ALAM.

u.p. : Puan Ayu Azriati Binti Chik Ros
Encik Muhammad Fakhri Bin Duki @ Marzuki
Tel : 03-5544 7327 / 7053
Faks : 03-5513 5569